


TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YANG MULIA NORALINDA BINTI HAJI IBRAHIM
PEMANGKU PENGARAH PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

**SEMASA MAJLIS TAKLIMAT PENGGUNAAN KAYU BAGI
PENGUSAHA-PENGUSAHA PERTANIAN DAN
PERIKANAN**

TEMPAT: DEWAN SETIA PAHLAWAN,
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

TARIKH: 16 SYA'ABAN 1438H / 13 APRIL 2017 (HARI
KHAMIS)
JAM: 8.30 PAGI



Bismillahir Rahmannir Rahim,

Alhamdulillah Rabbil'Aalameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Ambiya Hewal-Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa 'Alaa Aalihi Wasahbihie Ajma'een.

Segala puji-pujian dan syukur kita panjatkan kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik, hidayah, rahmat, nikmat serta izin-Nya jua kita semua dapat hadir dan berkumpul pada pagi ini di Majlis **Taklimat Mengenai Penggunaan Kayu Bagi Pengusaha-Pengusaha Pertanian Dan Perikanan.**

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, dalam kesempatan ini saya dengan tulus ikhlas dan takzim mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pengusaha-pengusaha pertanian, perikanan dan juga perhutanan di atas kesudian hadir ke Majlis Taklimat pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran biskita pada pagi ini merupakan satu manifestasi yang memperlihatkan semangat kesatuan dan perpaduan, disamping komitmen dan keprihatinan yang tinggi dalam usaha kitani untuk sama-sama memajukan dan membangun industri sumber-sumber utama di Negara ini.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Adapun majlis taklimat yang diadakan ini adalah merupakan salah satu program latihan, kesedaran dan perkongsian maklumat yang dirancang dan giat diungkuhkan oleh Jabatan Perhutanan. Program sebegini adalah suatu usaha dan pendekatan Jabatan Perhutanan untuk mengongsikan maklumat dan penerangan khususnya berkaitan dengan sektor industri perhutanan kepada masyarakat umum tidak terkecuali kepada pengusaha-pengusaha sektor industri sumber-sumber utama di Negara ini. Taklimat program sedemikian ini dihasratkan dan diharapkan akan dapat memberi kefahaman dan penerangan yang jelas dalam perkara-perkara yang berhubung kait dengan sektor perhutanan dan perkayuan Negara.

Melalui sesi taklimat pada pagi ini, pegawai-pegawai dari Jabatan Perhutanan akan memberi input dan penerangan mengenai peranan dan fungsi Jabatan Perhutanan, Akta Perhutanan iaitu Akta Hutan Penggal 46, Undang-Undang Brunei Darussalam dan juga penjenisan kayu komersial dan kepenggunaanya.

Saya dengan penuh berharap bahawa sesi-sesi penerangan dan penjelasan yang disampaikan itu nanti, sama ada melalui sesi taklimat mahupun sesi soal jawab akan dapat dimunafaatkan oleh tuan-tuan dan puan-puan dengan sebaik-baiknya dan seterusnya dapat dipraktikkan dalam *actual life* pelaksanaan perusahaan masing-masing.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, tidak kelewatan untuk saya sekali lagi merakamkan penghargaan berbilang-banyak terima kasih tak terhingga kepada semua yang hadir dan kepada mereka yang terlibat dalam menjayakan majlis taklimat kita pada pagi ini. Semoga segala hasrat dan usaha murni kita ini, dalam

meningkatkan dan memajukan industri-industri sumber-sumber utama akan mendapat pertolongan dan keredhaan Allah SWT.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal-hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.